

بُولَتِينِ إِنْسِيَّتِيٌّ تِبْوَعُ تَكَهُّنَ إِسْلَامِيَّةِ سَرَاقِقٍ



Buletin IKMAS JAKIM

SCAN ME



BIL. 2 / 2023

Laman Sesawang:
myikmas.islam.gov.my

افریل - جولای ، رمضان - محرم ۱۴۴۴/۱۴۵۱ هجرة

MESYUARAT LEMBAGA INSTITUT
KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA SARAWAK
(IKMAS) KALI KE-22



MESYUARAT JAWATANKUASA
PENASIHAT AKADEMIK (JKPA) IKMAS
KALI KE-20 DAN MAJLIS JALINAN
KASIH RAMADAN



MAJLIS KESYUKURAN AIDILFITRI
AGENSI-AGENSI ISLAM SARAWAK



PAMERAN DAN PROMOSI IKMAS
SEMPENA SEMINAR ANTARABANGSA
IMAM AS-SYAFI'I 1444H/2023M



INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA SARAWAK - IKMAS



myikmas

ISI KANDUNGAN

	PENAUNG YBrs. Tuan Haji Kamaldin bin Mohd Damin
	KETUA EDITOR Armi binti Halit
	PENOLONG KETUA EDITOR Dahlan bin Daut
	PEMBACA PRUF Muhammad Furqan bin Nuruddin
	PEMBACA PRUF Ainul Nadzifah binti Mohd Ali
	KONSEP & LAYOUT Muhammad Faizul bin Kanaini
	KOORDINATOR PENERBITAN & EDARAN Dyg. Adlin Lina binti Abang Hwan Zani
	JURUFOTO Irwandy bin Sarkawi
PENGHARGAAN ISTIMEWA Pejabat Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan Bahagian Pendaftar Bahagian Akademik Bahagian Hal Ehwal Pelajar Bahagian Pembangunan Insan Unit Jaminan Kualiti	

- 3** Sekapur Sirih
- 3** Kalam Ketua Editor
- 4** Tokoh Alumni IKMAS
- 5** Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Akademik (JKPA) IKMAS Kali Ke-20 Dan Majlis Jalinan Kasih Ramadan
- 5** Latihan Amali Imam & Bilal Bagi Solat Terawih Sepanjang Bulan Ramadhan 1444H
- 6** Pameran Sempena Yadim Fest @ Kapit dan Kembara Promosi IKMAS
- 6** Majlis Kesukuran Aidilfitri Agensi-Agenzi Islam Sarawak
- 7** Pameran Dan Promosi IKMAS Sempena Seminar Antarabangsa Imam As-Syafi'i 1444H / 2023M
- 7** Progam Kembara Promosi IKMAS Siri 7
- 8** Kursus Sijil Profesionalisme Imam Sarawak (SPIS) Siri IV / 2023 (Zon Selatan)
- 8** Program Mahirah Al-Quran
- 9** Kursus Saudara Muslim
- 9** Mesyuarat Pra Lembaga IKMAS Bil.1/2023 dan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Lembaga
- 10** Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Daerah Kuching
- 10** Mesyuarat Pelaksanaan Majlis Konvokesyen IKMAS Kali Ke-19 Bil.1/2023
- 11** Kursus Coaching & Mentoring
- 11** Kursus Sijil Profesionalisme Pengurusan Masjid Sarawak (SPPMS) Tahap 1
- 12** Kursus Pengurusan Jenazah
- 12** Kursus Persijilan Kitab Turath "Ajaibul Makhluqat Wa Ghara'ibul Maujudat" IKMAS Dan Jabatan Mufti Sarawak
- 13** Lawatan Penanda Aras Perpustakaan Delegasi IKMAS Ke Perpustakaan Politeknik Kuching Sarawak
- 13** Kursus Pengurusan Jenazah Islam IKMAS Tahun 2023
- 14** Kursus Sembelihan IKMAS Tahun 2023
- 14** Mesyuarat Lembaga Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) Kali Ke-22
- 15** Mesyuarat Jawatankuasa Induk Majlis Konvokesyen IKMAS Kali Ke-19
- 15** Kursus Penulisan Jurnal IKMAS JAKIM Bil.1 2023
- 16** Bengkel Penyediaan Rancangan Pengajaran Mingguan (RpM) dan Modul Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP) IKMAS Siri 1
- 16** Minggu Aluan Pelajar IKMAS 2023 (MALPI)
- 17** Kursus Pengenalan Kepada Sistem Pengurusan Kualiti Iso 21001:2018 (EOMS) Dan Ms ISO 9001:2015 & Bengkel Pembangunan Dokumen Siri 1
- 17** Kursus Integriti Pegawai Madani Siri 1
- 18** Sukan IKMAS (SUKMAS)
- 19** Artikel Staf
- 20** Artikel Staf
- 21** Selamat Datang & Jasamu Dikenang Staf IKMAS
- 22** Sekalung Tahniah
- 23** Lensa
- 24** Jom Masuk IKMAS



SEKAPUR SIRIH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

*A*lhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan izinNya maka Buletin IKMAS Bil. 2/2023 iaitu keluaran kedua dapat diterbitkan bagi pertengahan tahun 2023.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Ketua Editor dan sidang redaksi yang telah berjaya menghasilkan dan menerbitkan buletin ini. Terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama, sokongan, semangat dan idea yang bernalas serta memberangsangkan dalam melahirkan buletin ini yang menjadi tanda kejayaan IKMAS.

Buletin IKMAS menyajikan informasi dan berita terkini, laporan aktiviti dan program warga serta pelajar IKMAS sebagai tatapan mata dan santapan minda buat semua pembaca. Pelbagai rakaman kenangan dan pengalaman warga dan pelajar IKMAS pada kali ini diharapkan agar dapat mencetuskan minat pembaca untuk terus menerokainya sebagai sumber informasi dan inspirasi di jiwa dan minda.

Selain menjadi mercu tanda kejayaan dan keprihatinan warga IKMAS dan pelajarnya dalam mengetengahkan IKMAS agar menjadi sumber inspirasi dalam dunia dakwah masa kini, buletin ini mampu menaikkan nama IKMAS sebagai pusat pengajian Islam yang unggul di mata dunia.

Marilah kita bekerjasama dan saling bantu-membantu dalam memastikan agar IKMAS akan terus maju jaya dan dikenali dimana jua. Teruskan perjuangan yang murni ini danjadikanlah IKMAS sebagai pilihan utama pengajian anda. Jom masuk IKMAS!

KALAM KETUA EDITOR

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

*A*lhamdulillah, segala puji hanya bagi Allah SWT. Syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan izin dan inayahNya, IKMAS telah berjaya menerbitkan keluaran kedua pada tahun ini iaitu Buletin IKMAS Bil.2/2023 bagi bulan April hingga Jun 2023.

Settinggi ucapan penghargaan diucapkan kepada Yang Berusaha Tuan Haji Kamaldin bin Mohd Damin, Pengarah IKMAS atas kepercayaan dan semangat yang diberikan kepada Cawangan Komunikasi Korporat dan Hubungan Strategik, Bahagian Pendaftar IKMAS dalam menerbitkan Buletin IKMAS pada kali ini.

Tahniah dan jutaan terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan sidang redaksi Buletin IKMAS kerana telah berjaya menghasilkan keluaran buletin yang kedua buat tahun ini dengan persembahan yang lebih menarik.

Lakaran dan kenangan pelbagai program dan aktiviti yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh bahagian-bahagian untuk warga dan pelajar IKMAS telah dapat kami abadikan pada keluaran buletin yang kedua ini. Program dan aktiviti ini mampu menjadi bukti kerja keras warga dan pelajarnya dalam merealisasikan tugas dan tanggungjawab sebagai penjawat awam dan pelajar khususnya dalam dunia dakwah masa kini.

Dalam pembikinan Buletin IKMAS ini pastinya ada suka dan duka serta kenangan manis bersama. Semoga ianya dapat membakar semangat kami untuk terus berkarya dan sekaligus dapat memperkenalkan IKMAS sebagai salah satu pusat pengajian agama di bawah pentadbiran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di Bumi Kenyalang ini.

Kenali TOKOH ALUMNI IKMAS

(Ustaz Mohd Ismail Najir bin Mohammad)



Ustaz Mohd Ismail Najir bin Mohammad

Dilahirkan pada 28 Ogos 1982 di Hospital Serian dan berasal dari Kampung Melayu, Balai Ringin, Serian, Sarawak. Beliau telah mendirikan rumah tangga dan dikurniakan lima orang cahaya mata dua lelaki dan tiga perempuan. Beliau merupakan Alumni IKMAS batch yang pertama. Menyandang jawatan sebagai Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam sejak tahun 2005 sehingga kini.



LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- Sekolah Kebangsaan Balai Ringin, Serian
- Sekolah Menengah Kebangsaan Balai Ringin, Serian
- Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS)

KERJAYA

- Imam 1, Masjid Bandaraya Miri Lembaga Amanah Kebajikan Melayu Miri
- Guru Besar Sekolah Agama Rakyat, Miri
- Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Pusat Latihan Sarawak (PLS) JAKIM 2005
- Ketua Unit JAKIM, Sibu
- Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam di IKMAS
- Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam di JAKIM Cawangan Sarawak (Bahagian Penyelidikan)
- Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam di Ibu Pejabat Polis Kontinen Sabah (Bahagian Agama dan Kaunseling)
- Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam di Ibu Pejabat Maritim Sarawak (Bahagian Agama dan Kaunseling)



PENCAPAIAN DAN PENGLIBATAN LUAR

- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (JPM)
- Anugerah Perkhidmatan cemerlang (JAKIM)
- Sijil Anugerah Ketua Polis Negeri Sabah
- Pengurus Kelab Badminton
- Setiausaha Masjid Darul Naim (Maritim)
- Ahli SPACSU



Sesi temuramah yang dijalankan bersama Ustaz Mohd Ismail Najir bin Mohammad di IKMAS

HARAPAN DAN IMPIAN UNTUK IKMAS

IKMAS merupakan salah satu institut pendidikan tinggi yang menawarkan Sijil dan Diploma Pengajian Islam di Sarawak. Diharapkan IKMAS mampu untuk menawarkan pelbagai program dalam peringkat Diploma, Ijazah mahupun diperingkat PHD seiring dengan institusi pengajian tinggi di Malaysia khasnya dan di luar negara amnya.

"Saya cukup terharu dan berterima kasih kepada IKMAS kerana tidak lupa akan Alumni daripada batch saya (batch pertama) sehingga sekarang. Selain itu, saya juga mempunyai impian agar peluang kerjaya pelajar IKMAS diluaskan jaringannya tidak hanya di Sarawak bahkan di seluruh Malaysia serta menjadi rebutan pelajar lepasan SPM untuk melanjutkan pengajian."

Harapan saya untuk adik-adik IKMAS "Tuntutlah Ilmu Sehingga Habis Hayat" kerana pendidikan itu sangat penting bagi membina kehidupan yang lebih cemerlang pada masa hadapan.

Akhir kata, semoga maju jaya IKMAS dan berharap lebih ramai lagi melahirkan ilmuan Islam di Bumi Kenyalang dan memastikan Institusi ini terus kukuh berlandaskan syiar Islam.

MESYUARAT JAWATANKUASA PENASIHAT AKADEMIK (JKPA) IKMAS KALI KE 20 DAN MAJLIS JALINAN KASIH RAMADAN

— 6 April 2023 —

IKMAS telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Akademik (JKPA) IKMAS Kali Ke-20 di Bilik Mesyuarat JAKIM Sarawak.

Objektif program ini ialah mempertimbang dan memperakukan keseluruhan kertas cadangan serta mengeratkan silaturahim bersama Ahli JKPA serta warga IKMAS yang lain.

Turut dihadir YBhg. Tuan Haji Ruslan bin Said, Timbalan Ketua Pengarah Operasi JAKIM, YBhg. Tuan Aminudin bin Mohamad, Pengarah Bahagian Dasar Kemajuan Islam (BDKI) dan YBhg. Tuan Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim, Pengarah Darul Quran.



LATIHAN AMALI IMAM & BILAL BAGI SOLAT TARAWIH SEPANJANG BULAN RAMADHAN 1444H

— 13 April 2023 —

IKMAS telah mengadakan satu Latihan Amali Imam & Bilal bagi Solat Terawih sepanjang bulan Ramadhan 1444H bertempat di Surau Darul Taqwa di Kampung Selang Laut, Surau An-Nur di Taman Seri Putri, Masjid Darul Halim di Kpg Temenggong, Masjid Darul Hasanah, Kpg Selang Ulu, Masjid Darul Istiqlaal, Kpg Sg Maong dan Masjid Darul Solihin di Kpg Telaga Air.

Program ini bertujuan meningkatkan kemahiran dan keyakinan pelajar untuk menjadi imam & bilal dalam suasana yang berbeza, meningkatkan kualiti dakwah pelajar IKMAS, menimba pengalaman serta merapatkan lagi hubungan dengan penduduk setempat serta membuat persediaan kepada pelajar sebelum menjalani amali dakwah. Pelajar-pelajar yang terlibat adalah pelajar lelaki semester 2 & 4 Diploma Dakwah Islamiyyah.

Sepanjang program dijalankan, maklumbalas dan sokongan amat memberangsangkan daripada penduduk setempat. Mereka berharap agar program-program latihan seumpama ini diteruskan pada masa akan datang serta hubungan yang terjalin di antara IKMAS dengan penduduk setempat berkekalan.

Sekalung penghargaan kepada Masjid & Surau yang terlibat kerana menyambut baik kehadiran pelajar-pelajar dan Kakitangan IKMAS. IKMAS juga mengucapkan tahniah & syabas kepada para pelajar kerana berani menggalas tanggungjawab ini dan berjaya melaksanakannya dengan baik.



PAMERAN SEMPENA YADIM FEST @ KAPIT DAN KEMBARA PROMOSI IKMAS

— 17 April 2023 —

IKMAS telah menyertai pameran dan promosi IKMAS sempena Yadim Fest @ Kapit di Masjid Jabal An Nur.

Antara agensi-agensi yang turut mengadakan pameran dan promosi ialah YADIM, Tabung Haji Bahagian Sibu, Maybank Bahagian Sibu dan Jabatan Penerangan.

Pameran dan promosi IKMAS pada kali ini untuk memperkenalkan IKMAS kepada masyarakat setempat sekitar Kapit dan menarik lebih ramai pelajar menyertai IKMAS.



Majlis Kesyukuran Aidilfitri Agensi-Agensi Islam Sarawak

— 13 Mei 2023 —

IKMAS telah menghadiri Majlis Kesyukuran Aidilfitri Agensi-Agensi Islam Sarawak bertempat di Dewan HIKMAH, Kuching.

Objektif program ini ialah mengeratkan silaturahim antara Agensi Islam di Sarawak dan meraikan Aidilfitri.

Turut dihadir YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Abang Haji Openg (Premier Sarawak), YB Datuk Dr. Abdul Rahman bin Junaidi (Menteri Agama), YBhg. Datuk Haji Misnu bin Haji Taha (Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak), Tuan Haji Khalidi bin Haji Ibrahim (Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak), Ustaz Hamdan bin Jar'ee (Pengarah JAKIM Sarawak) dan Tuan Haji Kamaldin bin Mohd Damin (Pengarah IKMAS).

Sebanyak 16 Agensi Islam terlibat daripada JAKIM Sarawak, IKMAS, HIKMAH, JKSM Sarawak, Jabatan Mufti Sarawak, Islamic Information Centre (IIC), PAIB Kuching, Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) dan beberapa agensi lain yang turut hadir untuk memeriahkan majlis.



Pameran Dan Promosi IKMAS

Sempena Seminar Antarabangsa Imam As-Syafi'i 1444H/2023M

17 Mei 2023

IKMAS telah menyertai Pameran dan Promosi IKMAS Sempena Seminar Antarabangsa Imam As-Syafi'i 1444H/2023M anjuran Jabatan Mufti Sarawak bertempat di Borneo Convention Centre Kuching (BCCK), Sarawak.

Seminar ini diadakan sempena sambutan perayaan 60 tahun Sarawak Merdeka yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan dihadiri oleh Premier Sarawak, YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg.



Program Kembara Promosi Ikmas Siri 7



17 Mei 2023

IKMAS telah mengadakan Program Kembara Promosi IKMAS di Bahagian Mukah.

Antara sekolah-sekolah yang terlibat ialah SMK Mukah, SMK Three Rivers, SMKA Igan, SMK Matu, SMK Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Normah, SMK Belawai dan SMK Semop.

Program ini turut melibatkan komuniti di surau dan masjid Bahagian Mukah.



KURSUS SIJIL PROFESIONALISME IMAM SARAWAK (SPIS) SIRI IV/2023 (ZON SELATAN)

— 25 Mei 2023 —

IKMAS dengan kerjasama Majlis Islam Sarawak telah mengadakan Sijil Profesionalisme Imam Sarawak (SPIS) Siri IV/2023 yang bertempat di Masjid Darul Naim, Kampung Lintang.

Objektif program ini ialah meningkatkan pengetahuan para peserta mengenai ilmu solat, meningkatkan kemahiran peserta dalam menyelesaikan permasalahan masyarakat khususnya dalam hal ehwal solat serta meningkatkan kesedaran peserta untuk menguasai ilmu solat.

Ustaz Abang Azman bin Abang Mohamed dan Ustaz Abdul Rahman Iqbal bin Ald dijemput sebagai penceramah program. Seramai 27 peserta dalam kalangan imam I dan II masjid di bahagian Kuching, Serian, Samarahan dan Sematan telah menyertai kursus tersebut.



Program Mahirah Al-Quran

— 29 Mei 2023 —

IKMAS telah menganjurkan Program Mahirah al-Quran untuk memupuk kesedaran para pensyarah terus mencari ilmu dan berguru serta memperbaiki bacaan al-Quran dan meningkatkan kemahiran para pensyarah dalam ilmu tajwid.

Ustaz Nik Mohammad Rabbani bin Nik Zainal Alam diundang menyampaikan ilmu Mahirah al-Quran ini.



KURSUS SAUDARA MUSLIM

31 Mei 2023

IKMAS dengan kerjasama Kor Agama Tentera Divisyen 1 dan Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF) UiTM telah mengadakan Kursus Saudara Muslim.

Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan kefahaman berkaitan agama Islam kepada saudara kita dan membimbing saudara kita dalam hal ibadah, serta meningkatkan peribadi sesuai dengan akhlak Islam. Penceramah jemputan ialah Ustaz Yaakub bin Abdullah, Ustaz Nik Muhammad Robbani bin Nik Zainal Alam dan Ustaz Mohd Chathazman bin Abdullah.

Turut hadir Tuan Haji Kamaldin bin Mohd Damin, Pengarah IKMAS, Mejah Sudiman bin Redzuan, Pemangku Pegawai Staf 2 Agama, Markas 1 Divisyen Kem Muara Tuang, Kota Samarahan dan Prof. Madya Dr. Mohd Ashrof Zaki bin Yaakob, Pengarah Bahagian Zakat, Sedekah dan Waqaf (ZAWAF) UiTM Shah Alam.



MESYUARAT PRA LEMBAGA IKMAS BIL.1/2023 DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KECIL LEMBAGA

7 Jun 2023

IKMAS telah mengadakan Mesyuarat Pra Lembaga IKMAS Bil.1/2023 dan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Lembaga bertempat di Kamar Tun, IKMAS.

Mesyuarat ini dilaksanakan untuk membincangkan pembentangan kertas kerja Mesyuarat Lembaga IKMAS kali ke-22 sekaligus melantik ahli Jawatankuasa bagi mesyuarat tersebut.

Mesyuarat dihadiri oleh Ketua-ketua Cawangan IKMAS dan lima orang urus setia mesyuarat.



Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Daerah Kuching



9 Jun 2023

Dua orang pelajar IKMAS iaitu Norazmirah binti Rosman dan Nursyifa bin Jamain pelajar Diploma Dakwah Islamiyyah Semester 3 telah menyertai Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Daerah Kuching anjuran Jabatan Agama Islam Bahagian Kuching.

Program ini adalah untuk memberi galakan kepada pelajar agar bergiat aktif dalam bidang Tilawah Al-Quran dan menanam rasa cinta kepada Al-Quran dalam diri.

Penglibatan IKMAS melalui program seumpama ini diharap dapat melahirkan generasi IKMAS yang mencintai al-Quran di samping menyebarkan syiar Islam di bumi Sarawak serta mengangkat ketinggian Martabat al-Quran.



Mesyuarat Pelaksanaan Majlis Konvokesyen IKMAS Kali Ke-19 Bil.1/2023

13 Jun 2023

Cawangan Pengambilan Pelajar dan Graduasi, Bahagian Pendaftar IKMAS telah mengadakan Mesyuarat Pelaksanaan Majlis Konvokesyen IKMAS Kali Ke-19 Bil.1/2023 bertempat di Kamar Tun, IKMAS.

Mesyuarat ini dilaksanakan untuk membincangkan pembentangan laporan dan belanjawan setiap jawatankuasa pelaksanaan Majlis Konvokesyen IKMAS kali ke-19 Bil.1/2023.

Pengerusi dan setiausaha Jawatankuasa Kecil Majlis Konvokesyen IKMAS kali ke-19 serta 3 orang pegawai kewangan dari JAKIM Sarawak telah menghadiri mesyuarat tersebut.





Kursus Coaching & Mentoring

16 Jun 2023

Unit Jaminan Kualiti IKMAS telah menganjurkan Kursus Coaching dan Mentoring yang bertempat di Dewan Serbaguna, IKMAS.

Tujuan kursus ini ialah memberi pendedahan mengenai sistem coaching dan mentoring dalam kalangan pensyarah IKMAS. Seramai 30 orang pensyarah IKMAS telah menghadiri kursus tersebut.

Penceramah jemputan kursus ini ialah Puan Ainol Hidayah binti Abdul Raouf dan Encik Azhan bin Rani dari Institut Aminuddin Baki (IAB), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).



Kursus Sijil Profesionalisme Pengurusan Masjid Sarawak (SPPMS) Tahap 1

18 Jun 2023

Cawangan Pengajian Sepanjang Hayat IKMAS dengan kerjasama Majlis Islam Sarawak telah menganjurkan Kursus Sijil Profesionalisme Pengurusan Masjid Sarawak (SPPMS) Siri 1/2023 (Tahap 1) Bahagian Kuching yang bertempat di Masjid Al-Abyad, Kuching.

Objektif kursus ini ialah untuk meningkatkan kesedaran dan mengubah sikap peserta terhadap kepentingan pengurusan masjid selaras dengan tuntutan Islam. Seterusnya, memberi pengetahuan kepada peserta mengenai kaedah pengurusan masjid serta meningkatkan kemahiran peserta dalam mengurus dan mentadbir masjid.

Antara penceramah jemputan kursus ialah Ustazah Anisah binti Amit (Pegawai Syariah, Bahagian Pendakwaan Syariah, JAIS), Ustaz Fifi Syamri bin Masri (Bahagian Kemajuan Institusi Masjid), Ustaz Hazimin Shakir bin Said (Ketua Bahagian, Bahagian Kemajuan Institusi Masjid), Muhammad Shahtella bin Montel (Pegawai Hal Ehwal Islam, JAKIM Sarawak), Ustaz Khalipah bin Juli (Ketua Bahagian, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, JAIS), Puan Siti Nur Atiqah Amirudin (Perancang Bahasa, Unit Pembinaan Bakat dan Kepakaran, Dewan Bahasa dan Pustaka) dan Encik Amirul Nasri bin Mohammed (Pustakawan, Pustaka Negeri Sarawak).





Kursus Pengurusan Jenazah

22 Jun 2023

Seramai 90 orang peserta yang terdiri daripada penduduk Kampung Telaga Air telah menghadiri kursus pengurusan jenazah di Masjid Darul Solihin, Kpg Telaga Air.

Program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada penduduk kampung amnya dan pengurusan jenazah kariah khususnya mengenai tatacara pengurusan jenazah, adab dan kaedah pengurusan jenazah secara teori dan praktikal.

Kursus ini juga untuk melahirkan rasa tanggungjawab terhadap tuntutan fardhu kifayah.



Kursus Persijilan Kitab Turath “Ajaibul Makhluqat Wa Ghara’ibul Maujudat” IKMAS Dan Jabatan Mufti Negeri Sarawak

23 Jun 2023

IKMAS dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri Sarawak telah menganjurkan Kursus Persijilan Kitab Turath “Ajaibul Makhluqat Wa Ghara’ibul Maujudat” bertempat di Hotel Seri Malaysia, Lawas, Sarawak. Kursus ini melibatkan agensi agama di Sarawak dan Pejabat Mufti Seluruh Malaysia.

Objektif kursus ini ialah peserta dapat mengikuti pengajian Kitab Turath bagi meningkatkan kefahaman dalam ilmu falak. Selain itu, peserta dapat memahami ilmu falak berdasarkan dalil naqli dan aqli serta menjelaskan kepentingan dan kaitan ilmu falak dalam akidah dan ibadat dalam kalangan peserta.

Kursus Persijilan Kitab Turath “Ajaibul Makhluqat Wa Ghara’ibul Maujudat” adalah sebuah program sambungan program yang telah dilaksanakan di Hotel Simanggang, Sri Aman pada tahun 2022.

Pendedahan pengajian falak melalui kefahaman dengan memahami pengajian kitab turath yang diajarkan oleh pegawai pakar ilmu falak iaitu Ustaz Hanafiah Abdul Razak yang merupakan pakar rujuk JAKIM dalam ilmu falak tersebut. Para peserta mendapat pendedahan ilmu-ilmu falak melalui penerangan penceramah yang memang sangat luas keilmuannya dalam bidang tersebut. Peserta juga dapat memahami terdapat zon khas di Sarawak berdasarkan kedudukan geografi kawasan tersebut. Peserta juga didedahkan berkenaan dengan ilmu memahami terbitnya matahari di Kuala Lawas.

Lawatan Penanda Aras Perpustakaan Delegasi IKMAS Ke Perpustakaan Politeknik Kuching Sarawak

23 Jun 2023

Cawangan Perpustakaan Dan Pengurusan Maklumat, IKMAS telah mengadakan Lawatan penanda aras perpustakaan ke perpustakaan Politeknik Kuching Sarawak.

Lawatan ini ialah untuk memberi pendedahan terhadap struktur, proses serta perjalanan operasi dan kemudahan perpustakaan dalam menguruskan sumber maklumat bagi rujukan dan pendedahan kepada pegawai dan kakitangan di IKMAS.

Di samping itu, lawatan ini juga diadakan sebagai penanda aras ke arah mewujudkan perpustakaan yang lebih kondusif serta selari dengan keperluan semasa dari sudut perkhidmatan, ruang, pembangunan koleksi dan pengurusan perpustakaan yang mana boleh diaplikasikan di perpustakaan IKMAS.



Kursus Pengurusan Jenazah Islam IKMAS Tahun 2023

24 Jun 2023

Pelajar tahun akhir Diploma Dakwah Islamiyyah diberi pendedahan mengenai tatacara pengurusan jenazah Islam menurut syarak. Seramai 70 orang pelajar telah terlibat dalam kursus ini.

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada kepentingan ilmu pengurusan jenazah Islam, disamping memberi keyakinan kepada pelajar untuk menguruskan jenazah apabila berada dalam kelompok masyarakat.

Ustaz Hj Wan Nazarul bin Wan Abdul Latip, Pegawai Hal Ehwal Islam, Pejabat Agama Islam Bahagian Sibu telah berkongsi ilmu dan pengalaman dalam menguruskan jenazah.



Kursus Sembelihan IKMAS Tahun 2023

25 Jun 2023

Pelajar tahun akhir Diploma Dakwah Islamiyyah telah menjalani amali penyembelihan haiwan.

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan kaedah sembelihan menurut syarak dan menekankan kepentingan aspek halal dalam pemakanan. Di samping itu, memberi keyakinan kepada pelajar untuk melaksanakan sembelihan dan sebagai persediaan kepada pelajar sebelum bersama masyarakat.

Kursus ini merupakan aktiviti tahunan yang dianjurkan IKMAS. Ustaz Hj Wan Nazarul bin Wan Abdul Latip, Pegawai Hal Ehwal Islam Pejabat Agama Islam Bahagian Sibu dijemput sebagai penceramah dan penunjuk ajar sembelihan.

Penglibatan IKMAS melalui program ini dapat melahirkan generasi IKMAS yang lebih berpengetahuan dan berkemahiran dalam menguruskan sembelihan disamping memberi pendedahan secara menyeluruh tentang kepentingan aspek halal dalam Islam.



Mesyuarat Lembaga Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) Kali Ke-22

10 Julai 2023

Mesyuarat Lembaga Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) Kali Ke-22 telah diadakan di Hotel Pullman, Kuching yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM.

Antara ahli-ahli mesyuarat lembaga yang turut hadir ialah Puan Roslina binti Shafawi, Penasihat Undang-undang, Bahagian Undang-undang JAKIM, Tuan Haji Kamaldin bin Mohd Damin, Pengarah IKMAS, SS YBhg. Datu Haji Kipli bin Haji Yasin, Mufti Sarawak, Jabatan Mufti Sarawak, YBhg. Datuk Haji Misnu bin Haji Taha, Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak, Encik Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak, Dr. Muhamad Faisal Asha'ari, Pengurus Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Encik Jamalulail bin Abu Bakar, Pengarah Bahagian Modal Insan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan YBhg. Dato' Haji Razali bin Haji Shahabudin, Mantan TKPO JAKIM.



Mesyuarat Jawatankuasa Induk Majlis Konvokesyen IKMAS Kali Ke-19

— 10 Julai 2023 —

Mesyuarat Jawatankuasa Induk Majlis Konvokesyen IKMAS Kali Ke-19 telah diadakan di Hotel Pullman, Kuching.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM. Turut hadir ialah Tuan Haji Kamaldin bin Mohd Damin, Pengarah (IKMAS), Tuan Haji Khalidi bin Ibrahim, Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak, Haji Mual Bin Haji Suaud, Pengarah Mufti Sarawak dan Encik Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak. Antara jabatan yang juga hadir ialah Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak, Jabatan Kerja Raya Sarawak, Dewan Bandaraya Kuching Utara, Setiausaha Sulit Kanan kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Pengurus Kompleks Islam Sarawak, Majlis Perbandaran Padawan, Jabatan Penerangan Sarawak serta Unit Protokol dan Pengurusan Acara Negeri.

Mesyuarat Jawatankuasa Induk Majlis Konvokesyen IKMAS ini merupakan mesyuarat tahunan IKMAS bersama agensi-agensi Islam dan jabatan-jabatan lain bagi membincangkan proses kerja dalam menjayakan Majlis Konvokesyen IKMAS.



KURSUS PENULISAN JURNAL IKMAS JAKIM BIL.1 2023



— 13 Julai 2023 —

Cawangan Perpustakaan Dan Pengurusan Maklumat telah menganjurkan Kursus Penulisan Jurnal IKMAS JAKIM Bil.1 2023.

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan dan pengetahuan tentang kemahiran dalam menulis jurnal dengan betul, bimbingan bagi penerbitan jurnal dan teknik bagi mendapatkan sumber rujukan dengan tepat kepada kakitangan IKMAS.

Puan Zaiton binti Darois (Perancang Bahasa S44, Editor Kanan Jurnal Bahagian Majalah), dan Puan Shaheza binti Zamri (Perancang Bahasa S41, Editor Jurnal Bahagian Majalah) dari Jabatan Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur dijemput sebagai penceramah kursus.

Bengkel Penyediaan Rancangan Pengajaran Mingguan (RPM) & Modul Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP) IKMAS Siri 1

21 Julai 2023

Bengkel Penyediaan Rancangan Pengajaran Mingguan (RPM) dan Modul Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) IKMAS Siri 1 telah diadakan di Dewan Serbaguna, IKMAS.

Bengkel ini berperanan dalam memberi pendedahan mengenai penyediaan RPM kepada pensyarah IKMAS serta membantu pensyarah menyediakan RPM berkualiti, sebagai persediaan PdP.

Unit Jaminan Kualiti dan Bahagian Akademik IKMAS selaku penganjur mengucapkan terima kasih kepada Encik Muhd Syahazizamir bin Sahmat, Pensyarah Jabatan Pendidikan & Pengajian Islam, Fakulti Sains Kognitif & Pembangunan Manusia UNIMAS atas kesudian menghadiri bengkel sebagai penceramah jemputan.



Minggu Aluan Pelajar IKMAS 2023 (MALPI)

23 Julai 2023

IKMAS telah menerima seramai 127 orang pelajar baharu bagi Program Diploma Dakwah Islamiyyah, Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Sehubungan itu, Bahagian Hal Ehwal Pelajar IKMAS telah mengadakan Minggu Aluan Pelajar (MALPI) yang bertujuan memberi pendedahan terhadap pelajar mengenai IKMAS dan mempersiapkan pelajar ke arah peralihan dari sekolah ke Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Antara penceramah jemputan ialah Cik Nur Amirah binti Sharkawi, Pegawai Tadbir (Psikologi) Jabatan Premier Sarawak dan Yang Arif Tuan Imran bin Taha, Hakim Syarie Mahkamah Rendah Syariah, Kota Samarahan.

Semoga program ini dapat membantu para pelajar menyesuaikan diri dalam kehidupan sebagai pelajar Institut Pengajian Tinggi.



Kursus Pengenalan Kepada Sistem Pengurusan Kualiti ISO 21001:2018 (EOMS) dan MS ISO 9001:2015 & Bengkel Pembangunan Dokumen Siri 1

26 Julai 2023

Unit Jaminan Kualiti telah mengadakan Kursus Pengenalan Kepada Sistem Pengurusan Kualiti ISO 21001:2018 (EOMS) dan MS ISO 9001:2015 & Bengkel Pembangunan Dokumen Siri 1 selama 3 hari berturut di Kamar Tun, IKMAS.

Kursus ini bertujuan melahirkan kakitangan yang peka terhadap keperluan standard dalam konteks aplikasi dan menghasilkan draf dokumen sistem pengurusan kualiti merangkumi manual kualiti, dokumen operasi dan dokumen sokongan. Selain itu, Puan Suhaini binti Haji Hassan merupakan penceramah jemputan bagi kursus ini.

Semoga gerak kerja ke arah pembangunan dokumen siri 1 ini berjalan dengan lancar bagi memudahkan semakan dan kesinambungan pada siri 2 akan datang.



KURSUS INTEGRITI PEGAWAI MADANI SIRI 1

28 Julai 2023

IKMAS dengan kerjasama Persatuan Pegawai Rendah Polis Diraja Malaysia telah menganjurkan Kursus Integriti Pegawai Madani Siri 1 bertempat di Dewan Serbaguna IKMAS.

Objektif utama kursus ini ialah mengaplikasikan nilai-nilai murni dan akhlak selari dengan prinsip dan nilai integriti dalam perkhidmatan awam.

Ribuan terima kasih kepada YDH DCP Dato Mancha Anak Ata (Timbalan Pesuruhjaya Polis Sarawak) yang berkesempatan menghadiri kursus sebagai tetamu jemputan. Selain itu, antara penceramah jemputan kursus ini ialah Ustaz Hasfa Bakhry bin Hassan, Encik Wan Muhammad Mujahid bin Wan Alwi, Ustazah Syahriah binti Yatim Mustafa, DSP Ujan Kiaw, Prof Dr Haji Rusli bin Haji Ahmad dan Asp Wilson Denis anak Ugap.

Penganjur berharap agar kursus sebegini memberi nilai tambah tentang ilmu integriti disamping menjadikan Integriti sebagai keutamaan bagi membentuk imej dan nama baik dalam perkhidmatan awam.




SUKAN IKMAS (SUKMAS)



PROGRAM KLINIK MEMANAH SIRI 10

PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA SEPAK IKMAS UNITED VS VETERAN TELAGA AIR





Importance of Integrity in Islam

In order to implement our job or task as an employee, there are an added value which is must be added in Muslim's life. Instead of being decent and skillful; an employee must have an integrity manner. Integrity is a part of special and important value to ensure that the person is really competent in doing his job. It is a first impression to make sure that there is no bad manner that can damage the image of an organization. Before we go furthermore, what integrity is all about? Why do we need integrity value in our life as Muslim? Do you ever hear about it?

The word "integrity" is derived from the Latin term integer that connotes wholeness and completeness. The word 'integrity' in Malay is borrowed from the English word 'integrit' which has the generic meaning of 'the quality of being honest and having strong moral principles. Integrity is a concept of consistency of actions, values, methods, measures, principles, expectations, and outcomes. In Islam, integrity carries a value such as trust, sincere and trustworthiness. Integrity also means honesty, trust, and honesty in all our actions. It is a code of behavior that relates to two things that is an employee and an organization; that helps to fluency the organization management.

Allah S.W.T says in Al-Quran:

٧٢ إِنَّا عَرَضْنَا الْأُمَانَةَ عَلَى السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَلَيْسَنَّ أَن يَخْمِلُهَا وَأَشْفَقُنَّ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا

"Indeed, We have made a trust in the heavens and the earth and the mountains, so they refuse to bear it, and fear that they will not be able to complete it. And man is willing to bear it. Indeed, man is unrighteous and ignorant."

The integrity of the organization is reflected in the formulation and implementation of the code of ethics, the client charter or the system and work processes as well as compliance with best practices. The code of ethics is affirmed, repeated and appreciated by the members of the organization until it becomes the norm and eventually becomes a culture of organization (corporate culture).

As we already understand what is integrity is, so what is the importance of integrity in Islam? Is Islam really stressed on it in our life as a Muslim? Let's explore about it. Therefore, the importance of integrity is very important in our lives.

Firstly, building trust. Integrity helps us to build trust with others. When we uphold moral and ethical values, others will trust us. This is because they know that we will do what we say and we will do the right thing. Therefore, integrity helps us build good relationships with others.

Secondly, integrity can increase credibility. Integrity also helps to increase our credibility. Credibility means the trust placed in us by others. As we hold firm on moral and ethical values, others will see us as trustworthy people. This will help increase our credibility in society.

Thirdly, improving organizational efficiency. Integrity is also very important in the organization. When the organization holds firm its moral and ethical values, it will become more effective. This is because people will trust the organization and will work better. Therefore, integrity helps to increase the effectiveness of the organization.

Most importantly, Integrity also helps to improve customer satisfaction. When an organization holds firm moral and ethical values, customers will trust the organization. This will help increase customer satisfaction because they know that the organization will do what it promises.

Integrity also helps to improve the well-being of the community. When an organization holds firm moral and ethical values, it will do what is best for society. This will help improve the well-being of the community as the organization will do what is right for the community.

In conclusion, integrity is very important in our lives. It is not easy for us to shape ourselves to be individuals of integrity. However, the saying goes that if we want a thousand forces, it means that we will strive to achieve something if we really want it. So, for individuals who want excellent survival in the future, they need to do their best to strengthen the integrity of themselves and the individuals under their responsibilities.

Reference: Kepentingan Integriti Dalam Kehidupan : Pena Hijau (alkhudhri.com), Memahami Kepentingan Integriti dalam Membangun Organisasi yang Berjaya (cerdika.com),



Keajaiban Bersedekah

Sadaqah atau sedekah adalah daripada perkataan arab bermakna benar, Islam memberikan makna bagi sedekah ini ialah memberikan sesuatu sama ada harta, tenaga dan masa kepada orang yang memerlukan dengan tujuan hanya untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Jadi untuk meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT maka seseorang itu perlu membuktikan dirinya iaitu dengan bersedekah dan menginfaqkan hartanya, tenaganya dan masanya di Jalan Allah SWT beserta Ikhlas dalam pemberiannya kepada fakir miskin, kaum kerabat, sahabat handai maupun untuk kepentingan jihad fi sabillah.

Umat Islam yang mana tidak mengira usia, kaya atau miskin amat digalakkan bersedekah mengikut kemampuan mereka. Bagaimanapun orang miskin yang pemurah ingin bersedekah, bersedekahlah mengikut kemampuannya dengan tidak menyusahkan dan membebankan diri sendiri dan keluarganya. Ingatlah bahwasanya amalan bersedekah ini perlu dijaga dan dipelihara daripada sifat ungkit-mengungkit, menunjuk-nunjuk, riak, takabbur dan sompong kerana ia akan membinasakan pahala bagi orang yang bersedekah seperti air memadamkan api.

Orang yang senantiasa melazimi dirinya untuk sentiasa bersedekah akan mendapat rahmat dan redha Allah SWT, malah seseorang itu akan lebih yakin dengan janji Allah SWT mengenai ganjaran pahala untuk orang yang bersedekah. Di Dalam al-Quran dan Hadis Nabi SAW telah banyak menerangkan kepada kita tentang kelebihan dan manfaat kepada orang-orang yang bersedekah hanya kerana Allah SWT semata-mata.

Masa kini, berbagai macam cara untuk kita melakukan amalan sedekah ini, malah tumbuh seperti cendawan yang mana menunjukkan kepada kita amalan bersedekah ini sudah difahami oleh masyarakat dan menjadi amalan kebiasaan kita. Antara contoh adalah sedekah ialah seperti solat sunat dhuha, sedekah subuh, sedekah makanan asas fakir miskin, sedekah Makkah, Syiria, Yaman, Palestin dan sebagainya.

Antara kelebihan dan ganjaran kepada golongan yang sentiasa bersedekah ialah :-

1. Mendapat ganjaran pahala yang besar dan redha Allah SWT.
2. Menambah dan meningkatkan harta si pemberi.
3. Mendapat manfaat daripada apa yang mereka sedekahkan.
4. Membersihkan harta orang yang bersedekah.
5. Menghapuskan dosa-dosa mereka yang bersedekah.
6. Mensyukuri atas nikmat yang Allah SWT limpahkan kepada mereka.
7. Menjauhi sifat mazmumah iaitu riak, sompong dan takabbur.
8. Saham akhirat untuk dibawa oleh mereka apabila menghadap Allah SWT.

Kesimpulannya, bersedekahlah dalam apa juu keadaan sekalipun mengikut kemampuan masing-masing. Sedekah yang (afidhal) lebih baik itu adalah mengikut perkara utama yang telah ditetapkan seperti :

1. Bersedekah secara rahasيا iaitu sembuni ibarat tangan kanan memberi, tangan kiri tidak mengetahuinya.
2. Bersedekah ketika sihat, kuat dan masih ada hayat dikandung badan.
3. Bersedekah nafkah kepada keluarga.
4. Bersedekah daripada harta lebihan selepas nafkah.
5. Bersedekah pada waktu dan ketika susah.
6. Bersedekah kepada kaum kerabat.

Selamat Datang



Abdul Jamel bin Jaafar
Pegawai Hal Ehwal Islam S44



Mohd Safri bin Fauzi
Pen. Pegawai Hal Ehwal Islam S29



Norizan binti Bedu
Pem. Tadbir (P/O) N22

Jasamu Dikenang



Abdul Rahim bin Othman
Pegawai Hal Ehwal Islam S44



Amy bin Abu Talip
Pen. Pegawai Hal Ehwal Islam S29



Suraya binti Amit
Pem. Tadbir (P/O) N22



Nurhaniza binti Apit
Pembantu Tadbir (Kewangan) W19



Ady Anuar bin Sulaiman
Pembantu Tadbir (Kewangan) W19

SEKALUNG TAHNIAH

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2022



Siti Nur Hidayah binti Kusnin
Pegawai Hal Ehwal Islam S44



Nurhaniza binti Apit
Pembantu Tadbir (Kewangan) W19



Rozana binti Zamali
Pembantu Tadbir (P/O) N19

Anugerah Ketua Pengarah Jakim 2022



Siti Syarah binti Mohd Tawil
Pegawai Hal Ehwal Islam S41



Muhammad Faizul bin Kanaini
Pembantu Hal Ehwal Islam S19



Nur Hidayah Binti Amid @ Hamid
Pembantu Tadbir (P/O) N19



LENSA



Lawatan Timbalan
Ketua Pengarah
Pengurusan Ke
Tapak Pembinaan
IKMAS Fasa 2



Taklimat Kesedaran
Kanser Serta
Penerangan Program
*"My Pledge Against
Cancer"* (MPAC)
Makna



Taklimat Program Siswazah
Universiti Kebangsaan Malaysia
(UKM)



Lawatan Kerja Bahagian
Pengurusan Sumber Manusia
JAKIM ke IKMAS



Pameran Pendidikan
IKMAS Sempena
Pengumuman SPM 2022



Trip Ke Bengoh Dam
Anjuran
Kelab IKMAS



Kursus Penyampaian Khutbah
Berkualiti



Ihyā' Ramadan Bersama Masyarakat

Juh Masuk Ikmas

SYARAT KELAYAKAN MASUK PROGRAM DIPLOMA DAKWAH ISLAMIYYAH

1. Warganegara Malaysia berumur 17 tahun ke atas serta sihat fizikal.
2. BUKAN Warganegara yang mempunyai kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia.
3. LULUS Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan Lima (5) KEPUJIAN termasuk :-
 - a. Bahasa Melayu dan mana – mana.
 - b. Satu matapelajaran Pengajian Islam seperti Pendidikan Islam/Tasawwur Islam/Pengajian Al-Quran & Sunnah/Pengajian Syariah Islamiyyah atau Bahasa Arab.
 - c. LULUS Bahasa Inggeris dan Matematik.
 - d. Mempunyai minat belajar, sedia dibimbing mematuhi peraturan dan arahan.
 - e. Belum berkahwin
 - f. LULUS ujian Temuduga.

SYARAT KELAYAKAN MASUK PROGRAM SIJIL PENGAJIAN ISLAM

1. Warganegara Malaysia berumur 17 tahun ke atas.
2. Bukan warganegara (antarabangsa) yang mempunyai kelayakan yang SETARA dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
3. LULUS Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dengan satu (1) kepujian dalam mana-mana pelajaran.
4. Lulus temuduga.
5. Belum berkahwin.

SYARAT KELAYAKAN MASUK PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAAT

1. Warganegara Malaysia
2. Beragama Islam
3. Berumur tidak melebihi 21 tahun pada tarikh pendaftaran
4. Tidak berkahwin
5. Lulus - SPM; (Calon yang telah memiliki keputusan SPM sahaja) - *Percubaan SPM (Calon SPM 2022 sahaja); atau - *Keputusan Peperiksaan Tingkatan 5 (calon SPM 2022) (mendapat pengesahan pihak sekolah) dengan syarat minimum Gred 'C' dalam mata pelajaran berikut:
 - a. Bahasa Melayu;
 - b. Bahasa Arab/ Al-Adab wa al-Balaghah/ Al-Lughah al-Arabiah al-Mu'asirah/ Turath Bahasa Arab;
 - c. Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah/ Pendidikan Syariah Islamiah/Pendidikan Islam/Tasawwur Islam/Usu al-Din/Turath al-Quran dan al-Sunnah/Al-Syariah/ Manahij al-'Ulum al-Islamiah/Turath Dirasat Islamiah/ Maharat Al-Quran; dan
 - d. LULUS Bahasa Inggeris
 - e. LULUS Ujian Bertulis (Bahasa Arab dan Tajwid)
 - f. LULUS Temuduga
 - g. Mempunyai tahap kesihatan yang baik



اینستیتیوٹ کماہیر ان اسلام ملیسیا سراوک

INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA SARAWAK
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
PETI SURAT 2867, JALAN MATANG
93050 KUCHING, SARAWAK

TEL: 082 - 843 478
FAKS: 082 - 843 440
EMAIL: IKMAS@ISLAM.GOV.MY

ISSN 2785-8790

9772785 879003